



Lembaran Fakta

# Polisi Insurans Liabiliti Awam

TOKIO MARINE  
INSURANCE GROUP

## Perlindungan

Polisi ini mengindemniti anda ke atas:

- Semua jumlah yang mana menjadi tanggungjawab undang-undang anda untuk membayar pampasan berkaitan dengan
  - 1) Kecederaan anggota atau penyakit kepada mana-mana orang
  - 2) Kerugian atau kerosakan kepada harta benda
- Semua kos dan perbelanjaan tindakan undang-undang
  - 1) Dibayar balik oleh mana-mana pihak yang menuntut terhadap anda
  - 2) Ditanggung dengan persetujuan bertulis daripada pihak kami

Sebagai akibat dari kemalangan yang berlaku dalam tempoh indemniti berhubung dengan perniagaan anda dan di dalam had wilayah.

## Had Indemniti

Liabiliti pihak kami untuk semua pampasan boleh bayar

- Berhubung dengan mana-mana satu kemalangan atau siri kemalangan yang terdiri daripada satu kejadian (termasuk semua kos dan perbelanjaan tindakan undang-undang) tidak boleh melebihi had seperti yang ditetapkan dalam Jadual Polisi.
- Berhubung dengan mana-mana satu tempoh indemniti tidak boleh melebihi had seperti yang ditetapkan dalam Jadual Polisi.

Polisi ini mengindemniti anda ke atas liabiliti undang-undang untuk membayar pampasan kepada pekerja anda termasuk kos dan perbelanjaan berhubung dengan kecederaan anggota akibat kemalangan atau penyakit yang timbul dari dan di dalam tempoh penggajian tersebut. Tambahan lagi, dengan persetujuan bertulis daripada pihak kami, pihak kami akan membayar semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung untuk mempertahankan mana-mana tuntutan.

## Pengecualian utama

Polisi ini tidak melindungi mana-mana liabiliti langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh atau timbul dari:

- Liabiliti tertanggung oleh mana-mana perjanjian
- Liabiliti untuk membayar pampasan di bawah Akta Pampasan Pekerja
- Liabiliti berhubung dengan kerugian atau kerosakan kepada harta benda sendiri atau harta benda di bawah penjagaan, pemeliharaan dan kawalan anda
- Liabiliti berkaitan dengan letusan dandang/vesel wap
- Liabiliti disebabkan oleh getaran atau pemindahan atau kelemahan sokongan
- Liabiliti timbul dari kebakaran, gempa bumi, letusan, banjir, asap, pencemaran dan kontaminasi
- Kerugian kewangan tulen
- Denda, penalti, ganti rugi punitif dan teladan
- Perang dan risiko berkaitannya
- Mana-mana tindakan keganasan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Tuntutan timbul dari "Sindrom Toksik Protein Lateks" dan Asbestos

## Kewajiban pendedahan

Anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau harus tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.

## Sumbangan

Jika pada masa mana-mana kerugian, kerosakan atau kecederaan berlaku, terdapat mana-mana insurans lain yang masih berkuatkuasa atau insurans kepunyaan anda yang memberi perlindungan sama, maka pihak kami tidak bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang melebihi perkadarannya bagi kerugian, kerosakan dan/atau kecederaan sedemikian.

## Lebihan

Merupakan amaun kerugian yang harus ditanggung anda sendiri untuk setiap tuntutan.

### **Bayaran Premium**

- Premium mesti dibayar kepada ejen kami atau secara terus kepada pihak kami dalam tempoh 60 hari dari tarikh polisi ini mula berkuatkuasa kecuali risiko projek, di mana premiumnya mesti dibayar serta-merta untuk jika tempoh insuransnya kurang daripada 60 hari.
- Bayaran boleh dibuat sama ada dengan tunai, kad kredit atau cek (cek hendaklah dibayar atas nama **Tokio Marine Insurans (M) Berhad**).
- Tegas untuk meminta resit bagi premium yang dibayar.
- Hubungi pihak kami jika polisi anda tidak diterima selepas satu bulan dari tarikh pembelian.

### **APAKAH YANG HARUS ANDA LAKUKAN Jika Berlakunya Kerugian/Kerosakan**

#### **Pemberitahuan tuntutan**

- Anda harus memberitahu pihak kami secara bertulis mengenai semua butiran tentang kejadian/kemalangan secepat mungkin dalam lingkungan masa yang ditetapkan dalam polisi anda. Anda dikehendaki membuat pemberitahuan seawal mungkin bagi mengelakkan sebarang prasangka terhadap tuntutan anda. Jika berlakunya kematian atau kemalangan yang melibatkan kenderaan bermotor, anda dikehendaki membuat laporan polis dengan serta-merta.

#### **Pengemukaan tuntutan**

- Anda harus mengemukakan tuntutan anda dengan melampirkan semua informasi dan dokumen sokongan seperti yang diminta oleh pihak kami dengan secepat mungkin. Jika ajuster/penyiasat dilantik oleh pihak kami, maka anda dikehendaki memberi kerjasama sepenuhnya kepada mereka dalam proses penilaian kami terhadap tuntutan anda.

#### **Kewajiban untuk mendedahkan informasi tuntutan**

- Anda dikehendaki memberi jawapan secara jujur dalam Borang Tuntutan kerana sebarang pernyataan salah atau penyembunyian boleh memudarangkan tuntutan anda.

### **BAGAIMANA MENGEMUKAKAN Aduan Dan Jalan Penyelesaian Yang Ada**



#### **Tulis kepada :**

1. Pusat Hubungan Bersepadu Bank Negara Malaysia melalui [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my), atau
2. pengantara insurans Ombudsman Perkhidmatan Kewangan.

Sebagai alternatif, anda boleh melawat terus ke kaunter BNMLINK untuk menfaillkan aduan anda (sila rujuk kepada [www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm](http://www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm)) atau anda boleh membawa kes anda ke mahkamah.

Untuk maklumat lanjut mengenai Tokio Marine dan produk dan perkhidmatan kami, sila layari laman web kami [www.tokiomarine.com.my](http://www.tokiomarine.com.my).

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.